

23/08/1999

Anwar tiada semangat sayangkan negara: Rais

JASIN, Ahad - Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan konco-konconya menyimpan pelbagai dokumen rasmi kerajaan di luar negara untuk mengugut kerajaan boleh disifatkan seperti membuka pekong di dada.

Bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Datuk Rais Yatim, berkata tindakan Anwar jelas menunjukkan beliau tidak mempunyai semangat Umno dan sayangkan negara.

"Perbuatan bekas Timbalan Perdana Menteri ini menampakkan sikap beliau yang sombong dan sanggup berbuat apa saja untuk mencapai cita-cita politiknya, iaitu menjadi Perdana Menteri," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis ceramah di Kampung Terentang di sini, malam tadi.

Turut hadir bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan veteran Umno, Tan Sri Abdul Aziz Tapa.

Menurut Rais, jika benar Anwar menyimpan beberapa dokumen rasmi kerajaan, itu bukanlah kerana dokumen berkenaan mempunyai kepentingan nasional, tetapi lebih kepada dendam kesumat yang tidak berkesudahan.

"Dengan menggunakan dokumen itu, Anwar tidak mempunyai tujuan lain kecuali untuk memalukan beberapa pemimpin negara yang dianggap `musuh politiknya', termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Rafidah Aziz," katanya.

Ditanya kemungkinan Anwar atau barisan alternatif akan menjadikan dokumen berkenaan sebagai senjata dalam pilihan raya umum akan datang, Rais berkata perkara itu tidak akan berlaku.

Malah, katanya, Dr Mahathir dan pemimpin kerajaan lain tidak perlu berasa khuatir, sebaliknya terus turun ke bawah menemui pelbagai lapisan masyarakat di peringkat akar umbi dan menjelaskan kedudukan sebenar.

"Kini, rakyat mulai sedar siapa Anwar sebenarnya dan tidak mungkin mereka memberi sokongan kepada bekas pemimpin itu yang ternyata sanggup melakukan apa saja untuk mencapai kepentingan politik," katanya.

(END)